

DATE: 7/12/2009

BH - 7/12/09

BTN tak perlu dirombak: Mahathir

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kurikulum Biro Tata Negara (BTN) tidak harus dirombak kerana banyak memberi manfaat kepada peserta dalam menyemai semangat cintakan negara.

Beliau berkata, BTN tidak seburuk seperti dakwaan pembangkang sebaliknya kursus itu banyak memupuk sikap berkhidmat untuk negara serta nilai hidup yang mulia kepada peserta.

"Setakat yang saya tahu, tiada yang buruk dalam BTN. Kita menerangkan sejarah negara dan ia berkaitan dengan Melayu, Cina, India serta kaum lain. Saya rasa kekalkan saja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program kebajikan sempena Hari Aids Sedunia anjuran Yayasan Aids Malaysia dan Persatuan Khidmat Sokongan Aids Kuala Lumpur (Klass).

Minggu lalu, Kabinet bersejajar dengan konsep 1Malaysia.

Mereka mendakwa kononnya kursus BTN sekadar 'sesi membasuh otak' yang sengaja diada-adakan oleh Barisan Nasional (BN)



Dr Mahathir

tanpa memberi kebaikan kepada peserta selain mendakwa kursus itu tidak relevan kerana menjadi tempat memupuk semangat perkaurman di kalangan peserta yang boleh memecah-belah masyarakat.

Mengenai langkah kerajaan melaksanakan cukai perkhidmatan dan barangan (GST), Dr Mahathir berkata, ia perlu kajian secara menyeluruh dan perbincangan teliti dengan semua pihak terbabit sebelum dilaksanakan.

GST sebelum ini dicadangkan untuk diperkenalkan pada 2007, bakal dilaksanakan 2011 pada kadar empat peratus bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia ketika ini.

Ditanya mengenai kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahukan satu pasukan pemerhati bebas dari Australia pada Pilihan Raya Umum akan datang, Mahathir secara sinis berkata: "Kalau orang putih dia percayalah, kalau orang Melayu tidak percaya."